

Headline	Industri diminta jangan ambil kesempatan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Mahkamah	Page No	3
ArticleSize	285 cm ²	Journalist	Siti Zubaidah Mat
PR Value	RM 10,867		



Industri diminta jangan ambil kesempatan

SITI ZUBAIDAH MAT ISA

KUALALUMPUR - Pihak industri diminta tidak mengambil kesempatan berhubung kenaikan tarif elektrik dengan mengenakan sebarang kos tambahan yang ditanggung syarikat sehingga membebankan pengguna.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, industri terlibat seperti pengilangan dan perkhidmatan perlu memahami kenaikan tarif elektrik adalah sebagai langkah rasionalisasi subsidi kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan negara.

"Mereka (industri) yang terbabit dengan kenaikan ini, dinasihati tidak bersikap keterlaluan dengan mengenakan kos tambahan yang ditanggung mereka sehingga membebankan masyarakat," katanya selepas melancarkan 14 model pencetak Fuji Xerox, di Kuala Lumpur, semalam.

Kelmarin, kerajaan mengumumkan semakan semula subsidi elektrik dan gas, dengan kadar purata tarif elektrik di Semenanjung Malaysia dinaikkan sebanyak 14.89 peratus atau 4.99 sen sekilowatt sejam (KWJ) kepada 38.53 sen/kwj berkuat kuasa 1 Jan 2014, berbanding tarif elektrik semasa 33.54 sen.

Menurutnya, kerajaan masih menanggung RM10 bilion subsidi walaupun kira-kira RM4 bilion dapat diijamatkan untuk sektor tenaga tahun depan.

"Kita sedar masyarakat terpaksa menanggung kos lebih dalam perbelanja-



Mahdzir (dua, kanan) diberi penerangan mengenai model pencetak terbaru keluaran Fuji Xerox oleh Pengurus Kanan Pemasaran Produk, Lee Chin Guan (kiri).

an harian. Namun, kenaikan dibuat selepas mengambil kira semua faktor termasuk golongan berpendapatan rendah.

"Bagaimanapun, 70.67 peratus atau 4.56 juta daripada keseluruhan 6.45 juta pengguna domestik di Semenanjung dan 62 peratus atau 260,000 daripada 418,000 pengguna domestik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, yang menggunakan elektrik pada kadar 300 KWJ dan ke bawah, tidak terlibat dengan semakan itu," katanya.

Sementara itu, pada majlis yang sama,

jenama global terkemuka, Fuji Xerox optimis menjana sehingga RM60 juta jualan bagi semua 14 model baharu untuk siri Apeosport-V C dan Docusentre-V C, sekali gus menyumbang 25 peratus kepada jumlah pendapatan syarikat.

Pengarah Pemasaran Produk Fuji Xerox, Stephen Leslie Baker berkata, berdasarkan sasaran jualan, syarikat berkeyakinan mampu mencapai sasaran RM400 juta perolehan sehingga suku kewangan berakhir pada Mac 2014.